

Renunglah!

utama adalah mencapai keredaan **Allah**

Subhānahu wa Ta'ālā.

a. Apakah yang telah aku lakukan kepada diri, ibu bapa, dan seterusnya kepada bangsa, agama dan negara?

b. Apakah sebenarnya tugasku?

j. Sudahkah aku menjalankan tugas-tugas itu semata-mata kerana menjunjung titah perintah Allah.

d. Sudahkah aku melaksanakan tugasku yang bersesuaian dengan diriku itu?

Ingatlah! Kita bertugas hendaklah tujuan utamanya mencapai keredaan **Allah Subhānahu wa Ta'ālā**. Bertugaslah kita kepada diri, kepada masyarakat, kepada negara, kepada bangsa, kepada agama; tetapi dasar utama ialah tidak keluar dari lingkungan mencari keredaan **Allah** tadi. Bekerjalah menjadi buruh, menjadi pemandu bas, menjadi penoreh getah, menjadi petani, menjadi kelasi, menjadi nelayan, menjadi guru, menjadi doktor, menjadi peguam, menjadi saudagar, menjadi menteri dan seterusnya yang lain-lain. Asal dalam keredaan **Allah**, tiadalah mengapa. Tidak hina dan tidak mulia seseorang dari seseorang yang lain di sisi **Allah**. Kecuali orang yang lebih takwanya kepada **Allah** itulah yang lebih mulia padanya. Janganlah kita merasa hina dan rendah diri kerana pekerjaan, kerana rupa paras, kerana miskin atau kerana kurang rakan taulan. Kita hina kalau kita berdosa kepada

Allah dan membuat maksiat dan angkara terhadap hamba-hamba **Allah**. Kita tidak hina selagi kita benar-benar takwa kepada **Allah Subhānahu wa Ta'ālā**.

Kita disuruh oleh agama Islam kita supaya berjihad, berjuang di jalan **Allah**. Berjuang dalam diri kita. Berjuang dalam diri melawan hawa nafsu durjana yang sentiasa dihasut oleh syaitan dan iblis yang sentiasa menarik kita jauh dari keredaan **Allah**. Berjuang di luar diri kita seperti melawan kejahatan dan ketidakadilan, melawan musuh-musuh yang melanggar rumah tangga, kampung halaman, negara, bangsa, dan agama kita.

1. Inginkah kita dipimpin oleh iblis ke lembah durjana dan maksiat?
2. Relakah kita melihat bangsa kita diperkotak-katikkan oleh bangsa-bangsa lain?
3. Sanggupkah kita melihat negara kita terjajah, sama ada dari segi politik, ekonomi, kebudayaan yang tidak bercorak Islam, ideologi anti-Islam dan sebagainya?
4. Senangkah hati kita melihat bangsa kita umpamanya **“itik mati dalam”, “tikus mati dikopak padi”?**
5. Sukakah kita menjadi bangsa yang **“hidup segan, mati tak mahu”?**

Oleh yang demikian, berjuanglah, berjihadlah dalam segala segi yang sesuai dengan kita, semata-mata pada jalan **Allah**, baik apa juga pekerjaan dan kehidupan kita ini. Mudah-mudahan mati kita dengan senyum

puas kerana tugas kita telah kita lakukan dengan sempurnanya.

1. Masihkah kita merasa hina diri?

2. Masihkah kita takut dengan yang lain dari **Allah**?

Tempat kita takut adalah **Allah**.

Tempat kita bermohon adalah **Allah**.

Tempat kita taat adalah **Allah**. Tempat kita bertawakal adalah **Allah**. Tempat kita minta tolong adalah **Allah**. Tempat kita mengadu adalah **Allah**.

Allah, Allah, Allah, Allah... semata-mata

Allah!

Pemimpin besar yang patut kita tauladani adalah Nabi besar kita

Muhammad shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam. Kita jangan keluar dari pedoman **Allah** sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur’ān yang mulia. Kita jangan keluar dari mengikut Nabi besar **Muhammad shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam**. Dalam segala perjuangan dan tindak-tanduk kita.

Awat! **Allah** tidak rugi kalau kita ingkar kepada-Nya. Ingatlah kita sendiri juga akan binasa, akan kucar-kacir, akan porak-peranda dan hancur lebur, jika kita tidak menuruti jalan **Allah**. Sejarah telah cukup membuktikan.

1. Masihkah ada yang berfikir bahawa agama Islam itu kolot?

2. Masihkah ada yang berfikir bahawa agama Islam itu untuk mati sahaja?

3. Masihkah ada yang berfikir bahawa agama Islam itu untuk dunia sahaja?

4. Masihkah ada yang berfikir bahawa agama Islam itu tidak

Renunglah!

sesuai dalam segala segi

kehidupan dunia dan akhirat?

5. Masihkah ada yang berfikir bahawa

agama Islam itu tidak

sesuai dalam segala zaman?

Jika ada orang yang berfikir demikian, orang itulah yang tolol, bodoh, bebal dan sesat. Dan suka membuat fitnah. Mata hati mereka diliputi kegelapan lantaran kedegilan dan kebodohan mereka itu.

Hubaya-hubaya! Wahai insan! Engkau tidak

dapat lari dari **Allah** yang menguasai

seluruh langit dan bumi dan apa

jua pun. Engkau akan kembali kepada

Allah, sama ada engkau mahu atau tidak.

Allāhu akbar!!!

Fikirkanlah!



Para hadirin yang datang ke Stadium Merdeka kerana mendengar dan menyaksikan Pertandingan Membaca al-Qur'an al-Karim peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah diadakan 5 malam berturut-turut pada bulan Ramaḍān yang lalu, mereka ada lebih bertenang dan bersopan santun daripada beberapa tahun yang lalu, suara-suara sorakan, pekikan dan siulan boleh dikatakan tidak ada keterangan langsung di sepanjang pertandingan tersebut, mudah-mudahan keadaan seperti ini akan dapat pula kita saksikan pada tahun-tahun yang akan datang.

Agama itu Nasihat

Percaya Kepada Diri Sendiri

(Oleh: Zakaria Saleh)

Percaya kepada diri sendiri adalah satu sendi kemenangan dalam kehidupan kerana kebahagiaan dan kejayaan dalam hidup sentiasa berada dalam diri sendiri. Sebagai kita semua sedia maklum dan semua sedia mengetahui: Siapakah yang tidak ingin berjaya dan bahagia? Semua manusia inginkan semua itu. Tetapi untuk mendapatkannya amat sukar sekali, dengan lain-lain perkataan kebahagiaan hidup terletak nun jauh terlalu tinggi dengan aneka pancaroba serta penuh dengan onak dan duri, yang mana akan mengancamkan diri.

Seandainya kita tidak bersungguh-sungguh serta tidak berhati-hati untuk mengejanya nescaya akan kecewa juga sudahnya dan gagallah kita akhirnya. Kita tidak harus berputus asa demi menghadapi apa jua perjuangan dalam hidup, walaupun tersangat berat atau pahit yang kita hadapi. Tetapi kita harus berfikir dua kali serta bermenunglah seketika demi bertenang dan bersabar untuk mencapai apa yang dicita dan diidamkan dan diidamkan selama ini. Kerana di sebalik kepahitan tersemai kemanisan, di sebalik kesusahan dan kerumitan mengandungi kesentosaan dan kebahagiaan. Sebagaimana kata pepatah: Kalau tidak dipecahkan ruyung di manakan dapat sagunya.

Kita tidak harus merasa kalah demi menghadapi yang pahit atau yang rumit, tekadkan keazaman dalam hati dan sanubari serta dengan semangat yang berkobar-kobar, sebagaimana kata pujangga terkenal: Dr. HAMKA dalam sepotong syairnya:

Cita-cita terletak di puncak gunung

Jalan ke gunung berluruh bukit

Di tengah jalan jangan termenung

Lanjutkan juga betapa sakit.

Dengan yang demikian fahamlah kita akan

erti kata dari rangkapan yang ringkas itu, yang mana mengandungi maksud dan harapan yang besar dan maha tinggi.

Oleh yang demikian penuhkanlah kepercayaan pada diri snediri dengan semangat yang berkobar-kobar tanpa mengenal bosan dan jemu, nescaya kejayaan yang cemerlang akan didapati kebahagiaan pasti akan menjelma juga sudahnya.

Ingatlah tidak ada satu kejayaan yang akan menjelang kalau tidak dengan usaha yang bersungguh-sungguh, walaupun kata orang:

Rezeki secupak tidak akan jadi

segantang — dan rezeki itu di tangan

Tuhan dan ditetapkan oleh Tuhan yang

Maha Berkuasa. Tetapi tak bisa yang

bulat datang bergolek dan yang pipis

datang melayang...moga-moga dengan adanya

kepercayaan pada diri sendiri kita

akan beroleh kemenangan di dunia dan

di akhirat.

Lidah Ibarat Pedang

Lidah adalah ibarat pedang. Kiranya kita tidak berhati-hati menjaganya bererti dia yang akan melukakan kita kembali.

Segala patah perkataan yang dilahirkan biarlah mengandungi faedah yang berguna serta manfaat tidak menyentuh keperibadian orang lain.

Dengan itu kehidupan kita akan terjamin di atas landasan kesejahteraan nan kekal abadi. Seandainya kita menggunakan lidah semata-mata untuk mengumpat atau mengeji sudah tentu akan mengalami keburukan yang tidak diinginkan, serta menghadapi seribu satu macam kepahitan dalam kehidupan di mayapada ini yang mana boleh menyebabkan deraian air mata yang tidak berkesudahan dan sesalan yang tidak akan berkeputusan nan mana boleh membahayakan diri sendiri dan akan terjerumus ke jurang bahaya. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang bermaksud:

“Orang yang tidak memelihara lidahnya, amalnya pun tidak akan selamat. Kerana sering kali mengumpat orang, bererti memberi pahala amalnya kepada orang yang diumpatnya itu, jika habis amalnya maka dosa orang yang diumpatnya itu akan berpindah kepadanya.”

Ingatlah bahagia dan deritanya dalam kehidupan seseorang adalah bergantung kepada lidahnya sendiri. Dari itu pandai-pandailah menjaga dan memeliharanya serta menganalisa setiap patah perkataan yang akan kita perkatakan... memberi manfaat, apa yang terlahir akan berfaedah dan berguna serta tidak akan sia-sia begitu sahaja. Ingatlah